

SOALAN NO. 28**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

TARIKH : 26 JULAI 2017

SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan Wakil Rakyat bagi setiap kawasan Parlimen di negeri Perak dari tahun 2013 hingga 2017. Senaraikan jumlah peruntukan wakil rakyat yang dikendali oleh penyelaras-penyelaras Kerajaan di setiap kawasan Parlimen yang dimenangi oleh pihak pembangkang dari tahun 2013 hingga 2017.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada setiap tahun di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri menyediakan peruntukan untuk setiap kawasan Parlimen dengan kadar RM 300,000 sehingga RM1.5 juta. Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek kecil dan pembekalan yang merupakan *complement* dan *supplement* bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Ianya diurus dan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri/Jabatan Pembangunan Persekutuan berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.